

20 Mac 2006

Petikan dari Utusan Malaysia

Bantuan kerajaan terjejas kontraktor kelas A rakus

Oleh: HAMDEN RAMLI, ABDUL YAZID ALIAS dan RAJA ZUHA KAMAL

KUALA LUMPUR 19 Mac - Pelbagai pihak termasuk pakar ekonomi berkata, kerajaan telah menunaikan segala janji bagi membantu kontraktor kelas F tetapi ia terjejas berikutan kerakusan kontraktor kelas A mewujudkan persaingan tidak sihat terhadap industri pembinaan negara.

Menurut mereka, persaingan itu bukan sahaja menjejaskan kontraktor kelas F tetapi turut membantutkan usaha kerajaan membantu kumpulan berkenaan.

Pakar ekonomi, Dr. Nungsari Ahmad Radhi berkata, walaupun persaingan seperti itu tidak menjejaskan perkembangan industri pembinaan, namun ia akan menyempitkan peluang dan menyebabkan lebih banyak kontraktor kelas F tidak dapat mengembangkan keupayaan mereka.

``Mereka (kontraktor kelas A) sepatutnya menjadi `payung' yang boleh membantu golongan kontraktor kelas F ini dan bukannya `membolot' projek mereka," katanya kepada Utusan Malaysia hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMMKL) Datuk Syed Amin Al-Jeffri semalam mengenai sikap kontraktor kelas A yang dikatakan `tamak' dengan membolot semua projek yang diperuntukkan kepada kontraktor kelas F.

Tahun lalu, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1 bilion kepada kontraktor kelas F bagi program penyenggaraan kemudahan awam bagi membantu mereka berikutan kelembapan industri itu sejak kebelakangan ini.

Nungsari berkata, industri pembinaan negara mempunyai kelas-kelas tertentu dan sepatutnya semua kontraktor menumpukan kepada kelas masing-masing.

Kontraktor sama ada kelas A mahupun F, kata beliau, perlu berusaha mencari peluang-peluang baru dan tidak hanya mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.

Dalam pada itu, Pengerusi Gabungan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berkata, tindakan tegas perlu dikenakan terhadap mana-mana kontraktor kelas A yang terbukti membolot projek yang diperuntukkan kepada kontraktor kelas F.

Sambil mengakui kesungguhan kerajaan dalam membantu kontraktor kelas F, beliau berharap, pihak berkaitan di peringkat pelaksanaan juga perlu melaksanakan tugas dengan penuh amanah.

``Sama ada di peringkat persekutuan atau daerah, mereka mesti melaksanakan arahan seperti yang ditetapkan.

``Kalau tidak, apa yang diharapkan oleh Perdana Menteri (membantu kontraktor kelas F) tidak akan tercapai," katanya.

Abdul Rahim berkata, pihak yang mempunyai maklumat berhubung penyelewengan kontraktor kelas A perlu menyatakan bukti dengan jelas supaya tindakan secara berkesan boleh diambil.

``Tuduhan secara umum sukar dijadikan asas untuk mengambil tindakan secara berkesan," katanya.

Pergerakan Pemuda UMNO pula menyifatkan tindakan kontraktor kelas A yang `membolot' kerja-kerja kontraktor kelas F boleh mendatangkan kesan buruk kepada ekonomi negara.

Timbalan Pengerusi Biro Ekonominya, Datuk Sazmi Miah berkata, kontrak yang ditawarkan adalah bertujuan untuk membantu melaksanakan dasar kerajaan dan ia seharusnya dikongsi bersama di pelbagai peringkat.

Ibarat sebuah kek, katanya, kontrak yang besar perlu dikongsi bersama dan bukannya untuk di `makan' oleh satu pihak sahaja.

``Kontraktor besar sepatutnya melaksanakan dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan dan memastikan agar kontraktor kelas F turut merasainya," katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Datuk Ir. Hamzah Hasan berkata, peruntukan sebanyak RM1 bilion yang disediakan oleh kerajaan kepada kontraktor kelas F bertujuan agar mereka berusaha meningkatkan kapasiti mereka.

``Peruntukan yang disediakan kerajaan bertujuan memberi peluang kontraktor kelas F untuk berusaha meningkatkan kecekapan dan kapasiti mereka.

``Kontraktor kelas A perlu mencari peluang yang lebih besar seperti projek-projek di luar negara memandangkan mereka mempunyai modal serta kapasiti yang besar," katanya.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F Kuala Lumpur (PerkobF), Ahmad Awang yakin peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan menjamin masa depan kontraktor kelas F.

Bagaimanapun, beliau bimbang kontraktor-kontraktor besar akan menghimpun kerja-kerja kecil sebelum membuat pakej kerja sendiri sekali gus meminggirkan peranan kontraktor kelas F.